



Received: 2021-06-06

Accepted: 2021-12-20

Published: 2022-06-28

Original Article

Penglibatan Rakyat Malaysia dalam Ekstremisme Agama dan Langkah-Langkah Deradikalisasi

Malaysian Involvement in Religious Extremism and Deradicalization Measures

Mohd Roslan Mohd Nor,^{a*} Misnal Munir,^b Moses Glorino Rumambo Pandin^c & Muhammad Khalis Ibrahim^a

^a Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

^b Faculty of Philosophy, Universitas Gadjah Mada, Jl. Sosiohumaniora No.1 Bulaksumur, Yogyakarta, Indonesia.

^c Faculty of Humanities, Universitas Airlangga, Surabaya, Jawa Timur, Indonesia.

* Corresponding author, email; m_roslan@um.edu.my

ABSTRACT

Although religious extremist movement led by ISIS has shown deterioration in both its operations and strength, this never eradicate people's fears on religious extremism in future. Hence, this paper aims to examine the ISIS movement in Malaysia from an ideological standpoint, its activities, as well as to offer suggestions for deradicalization measures in facing future religious extremism. This study is based on the documentation method by collecting and researching various sources related to the scope of the discussion. Ideologically, ISIS adhered to the Salafi Jihadi doctrine which strict in interpreting religion. Similar to other countries, there were a small number of Malaysians who directly involved with the ISIS struggle in many ways. To face the threats of religious extremism, several suggestions for deradicalization measures are presented through the role of government, educational institutions, religious institutions, and security forces. This paper argues that any form of religious extremism must be holistically eradicated so that the image of Islam and national peace can be maintained.

Keywords: ISIS, Malaysia, Malaysians, religious extremism, & deradicalization.

Pengenalan

Sejak berlakunya peristiwa 11 September, perbincangan mengenai topik ekstremisme, radikalisme, dan terrorisme sering mendapat tempat dalam wacana semasa, khususnya dalam kerangka perbincangan mengenai perihal "fundamentalisme" dan perkembangan dunia Islam.¹ Berdasarkan perspektif tersebut, ekstremisme secara simplistik akan dikaitkan dengan Islam, di mana peristiwa 11 September dijadikan sebagai contoh kes. Jika diteliti, perspektif ini berakar-umbi daripada naratif yang

¹ David Zeidan, "The Islamic Fundamentalist View of Life as a Perennial Battle," *MERIA Journal* 5, no. 4 (2001), 26-53.

dicetuskan paling awal oleh Bernard Lewis mengenai “fundamentalisme Islam” yang menggolongkan perkumpulan atau pergerakan yang mempunyai komitmen terhadap Islam sebagai kelompok “fundamentalis” yang bersifat statik, berpegang kuat kepada dogma tradisi serta memberi ancaman kepada Barat dalam konteks politik, ketamadunan dan demografik.² Konotasi “pertembungan Islam-Barat” tersebut seterusnya dikembangkan dengan lebih lanjut oleh Samuel Huntington menerusi teori pertembungan antara tamadun yang dikemukakan menerusi bukunya; *The Clash of Civilizations*. Bagi membenarkan teori tersebut, dunia dibahagikan kepada beberapa blok berasaskan ideologi dan agama, secara tidak langsung menyudutkan Islam dan Muslim secara khusus sebagai mangsa kepada pertembungan tersebut.³ Seterusnya, pandangan-pandangan yang kebanyakannya negatif tentang Islam disebarkan menerusi media-media arus perdana serta dirancahkan lagi dengan peranan media-media baharu bagi menguatkan lagi persepsi buruk masyarakat dunia mengenai Islam.

Pada masa yang sama, kemunculan gerakan-gerakan militan yang menggunakan nama Islam seperti *Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS), yang sebelumnya Al-Qaeda, memburukkan lagi persepsi masyarakat terhadap Islam. Mereka seringkali digambarkan sebagai kumpulan yang membawa misi jihad dan penegakkan semula sistem khilafah Islam secara keras dan bersenjata. Malah, kumpulan-kumpulan turut berpegang kepada konsep “matlamat menghalalkan cara” sehingga cenderung untuk melakukan kegiatan pengeboman di premis awam, meletupkan diri sendiri dengan membahayakan orang lain serta merekrut kanak-kanak supaya bersama-sama mereka untuk mengangkat senjata.⁴ Meskipun perjuangan mereka tertumpu di Asia Barat, namun ideologi ekstrem, radikal, dan militan mereka bersifat transnasional serta merentasi sempadan geografi. Disebabkan itulah kegiatan mereka berupaya menarik minat segelintir Muslim dari pelbagai belahan dunia, termasuklah dari Malaysia, di samping wujudnya gerakan-gerakan ekstrem yang bergerak di negara masing-masing. Pada mereka, perjuangan secara bersenjata ini merupakan satu “jihad suci” yang perlu didokong.⁵

Secara dasarnya, gerakan ekstremisme agama yang dipelopori oleh ISIS telah memperlihatkan kemerosotan dari sudut operasi mahupun kekuatan. Walau bagaimanapun, ini tidak sesekali melenyapkan kebimbangan dan kewaspadaan masyarakat terhadap ancaman ekstremisme agama lantaran kebarangkalian bagi gerakan ini muncul kembali di masa hadapan tetap ada. Islamofobia, pandangan serong masyarakat Barat terhadap Islam dan konflik yang masih berlaku di beberapa negara Arab menjadikan wujudnya kemungkinan gejala ekstremisme yang menggunakan nama agama untuk muncul kembali sama ada dengan jenama baharu atau wajah yang sama. Justeru, makalah ini bertujuan untuk meneliti gerakan ekstremisme ISIS dari sudut ideologi dan kegiatannya, dengan menspesifikkan skop perbincangan bagi konteks Malaysia. Makalah ini dimulai dengan perbincangan mengenai definisi dan kerangka konseptual ekstremisme agama, dan diikuti dengan perbincangan mengenai ISIS sebagai kumpulan ekstremis agama yang paling mutakhir. Seterusnya, makalah ini meneliti penglibatan rakyat Malaysia dengan gerakan ISIS. Pada bahagian seterusnya pula, penulis mengemukakan beberapa cadangan berhubung langkah-langkah deradikalisasi yang boleh dilaksanakan bagi menangani gejala ekstremisme agama bagi konteks ini mahupun di masa akan datang.

² Bernard Lewis, “The Roots of Muslim Rage,” *The Atlantic* 266, no. 3 (1990), 47-60.

³ Samuel P. Huntington, *The Clash of Civilization and the Remaking of World Order* (New York: Simon & Schuster, 1996).

⁴ Norhafezah Yusof et al., “Ekstremisme Agama dalam Gerakan Islamic State of Iraq and Syria (ISIS): Satu Analisis terhadap Akhbar The Star,” *Jurnal Komunikasi-Malaysian Journal of Communication* 33, no. 4 (2017), 119-141.

⁵ Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., “Ekstremisme Islam di Alam Melayu: Satu Pengenalan” (Prosiding, Ar-Raniry International Conference on Islamic Studies, Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry, 2016).

Menelusuri Definisi dan Konsep Ekstremisme Agama

Istilah ekstremisme, radikalisme, fundamentalisme, revivalisme, Islamisme, fanatisme, militan, literalis, dan seumpama dengannya sentiasa digunakan secara bergantian oleh sesetengah pihak.⁶ Ini diperjelaskan oleh Mohd Irman di dalam kajiannya mengenai fahaman ekstremisme yang berlaku dalam kalangan masyarakat India Muslim di Malaysia.⁷ Hakikatnya, penggunaan secara bergantian ini bukan sahaja bagi merujuk kepada subjek yang sama, bahkan ia adalah sebagai satu bentuk simplikasi dalam proses mengenalpasti dan menganalisis perwatakan dan ideologi sesebuah gerakan. Kebiasaannya, ia membawa konotasi yang negatif berbanding dengan aspek-aspek positif yang cuba diketengahkan.

Secara etimologinya, “ekstremisme” berasal daripada perkataan “ekstrem” yang bermaksud keterlaluan atau melampau. Pelaku-pelakunya akan digelar dengan gelaran “ekstremis”. Meskipun perkataan ekstrem secara tunggal menjurus kepada sikap tertentu, tetapi apabila ia ditambah dengan perkataan “isme” maka ia merujuk kepada suatu doktrin, fahaman, ideologi, atau pegangan yang tertentu. *Oxford Dictionary* mendefinisikan “ekstremisme” kepada “*the holding of extreme political or religious views; fanaticism*”. “Ekstremisme” menurut *Cambridge Dictionary* pula merujuk kepada “*the fact of someone having beliefs that most people think are unreasonable and unacceptable*”. Manakala *Merriam-Webster Dictionary* mengaitkan ekstremisme dengan radikalisme sebagai “*advocacy of extreme measures or views: radicalism*”. Jika dirangkumkan definisi-definisi di atas, dapatlah dikenal pasti bahawa ekstremisme merupakan satu doktrin, fahaman, ideologi, atau pegangan yang bersifat radikal dalam membawa idea politik dan agama, berpandangan hanya pegangan tertentu sahaja yang benar secara mutlak, dan cenderung untuk tidak bertoleransi dalam menerima pendapat orang lain.

Menurut Yusuf al-Qaradawi, ekstremisme secara umumnya boleh diukur bilamana seseorang itu mula menilai tahap ketaqwaan individu dalam sesebuah komuniti berdasarkan penilaian luaran dengan menentukan sama ada individu tersebut ekstremis, sederhana, atau berjaga-jaga.⁸ Mohd Roslan Mohd Nor pula menghuraikan ciri-ciri ekstremis sebagaimana berikut:

- 1) Tidak boleh bertolak ansur dalam menerima pendapat dan sering bersikap prejudis terhadap orang lain
- 2) Memaksa supaya orang lain menerima dan mengikut pendapat mereka
- 3) Berlebih-lebihan dalam beragama yang tidak kena pada keadaan khususnya terhadap golongan yang bukan Islam sehingga menyusahkan dan membebankan orang lain
- 4) Menonjolkan sikap yang keras dan kasar terhadap orang lain⁹

Meskipun ekstremisme sering dikaitkan dengan agama dan politik, namun ia juga boleh datang dalam bentuk yang lain. Selain ekstremisme agama dan politik, wujud juga ekstremisme yang melibatkan perbuatan dan ideologi-ideologi sosial. Dari aspek perbuatan, seseorang itu dianggap sebagai ekstrem jika ia menafsirkan hukum bagi sesuatu perkara secara keras. Misalnya, pengharaman

⁶ Cheryl Bernard, *Civil Democratic Islam: Partners, Resources, and Strategies* (California: RAND Corporation, 2003).

⁷ Mohd Irman Mohd Abd Nasir, “Pengembangan Kelas Menengah India Muslim dan Persepsi Mereka terhadap Isu-Isu Ekstremisme” (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).

⁸ Yusuf al-Qaradawi, *Islamic Awakening between Rejection & Extremism* (Herndon: American Trust Publication & The International Institute of Islamic Thought, 1990).

⁹ Mohd Roslan Mohd Nor, “Ekstremisme Rentas Agama dan Tamadun,” dalam Abd Karim Ali, Mohd Roslan Mohd Nor & Mohd Fuad Mohd Salleh (ed.), *Kefahaman Islam Semasa di Malaysia: Realiti & Cabaran* (Selangor: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2015), 143-166.

bagi kaum wanita untuk menutup rambut oleh pemerintah Turki merupakan satu bentuk ekstremisme yang menafikan kewajipan bagi wanita untuk menutup aurat mereka. Manakala ekstremisme dalam bentuk ideologi sosial pula boleh dilihat menerusi gerakan-gerakan yang berpaksikan perkauman seperti gerakan Neo-Nazi dan Aryan Nation yang memperjuangkan bangsa secara melampau dan merendah-rendahkan martabat bangsa selain mereka.¹⁰ Secara tidak langsung, hal ini menjelaskan bahawa ekstremisme merupakan natijah daripada sikap keras yang diambil oleh pihak tertentu dan tidak spesifik kepada mana-mana agama atau ideologi, sebaliknya boleh datang dalam pelbagai bentuk. Namun, ekstremisme yang mempunyai doktrin agama adalah lebih berbahaya kerana ia boleh memecah-belahkan ummah dengan melahirkan aliran-aliran yang pelbagai dan menyimpang dari kefahaman Islam yang sebenarnya.

Dalam membincangkan mengenai gerakan ekstremisme yang bermotifkan agama, adalah penting untuk difahami hubungan antara ekstremisme dan radikalisme. Jika merujuk kepada definisi *Merriam-Webster Dictionary* di atas, adalah didapati bahawa ekstremisme mempunyai kaitan dengan radikalisme secara konseptualnya. Radikalisme secara asasnya merupakan suatu proses dan sekaligus petanda awal bagi kemuncaknya iaitu ekstremisme. Seorang pengkaji menghuraikan radikalisme-ekstremisme sebagaimana berikut:

*...in general refers to a process in which individuals are introduced to extreme views and overtly ideological messages, sometimes in connection with a particular interpretation of a religion, that encourages extreme behavior in defending or advancing one's views. It is mainly driven by social, political and economic inequalities, oppression, discrimination and frustration with governance. At its root, radicalization does not necessarily lead to acts of violence. However, when it is transformed into extremism and radicalized individuals start using violence and engaging in unlawful activities, including terror...*¹¹

Selain itu, elemen yang tidak kurang penting bagi konteks ekstremisme adalah kepimpinan. Dalam hal ini, faktor kepimpinan atau personalistik mempunyai peranan yang besar dalam membentuk persepsi dan identiti secara kolektif. Kepimpinan yang diperakui dan diiktiraf mempunyai daya penarik bagi mewujudkan komitmen secara kolektif dalam kalangan pengikutnya. Dengan ini, pengikut-pengikut diikat secara langsung atau tidak langsung menerusi komitmen tersebut.¹² Dari perspektif ekstremisme, kepimpinan yang mempunyai karisma di dalam kumpulan tertentu mampu menarik sokongan dan komitmen daripada pengikut mahupun individu-individu yang luar dari kumpulan tersebut. Bagi kes gerakan ekstremisme agama misalnya, pemimpin gerakan ini seringkali menggunakan retorik-retorik seperti jihad, penegakkan Negara Islam (*Daulah Islamiyyah*), mati syahid dan seumpunya sebagai daya penarik kepada gerakan. Tambahan pula, pengikut bagi gerakan ekstremisme agama seperti ISIS diwajibkan untuk mematuhi kepimpinan mereka secara mutlak dan diikat dengan janji setia (*bai'ah*). Aspek-aspek ini memberikan implikasi kepada pengikut gerakan tersebut di mana: i) mereka cenderung untuk ke tahap mengangkat senjata dan membahayakan nyawa sendiri serta orang lain, dan ii) solidariti, keazaman, dan semangat juang mereka adalah kukuh dan sukar untuk digugat meskipun bilangan

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Mustafa Aydin, "The connection between radicalism, extremism and terrorism," laman sesawang *Hürriyet Daily News*, dicapai 6 Ogos 2020, <http://www.hurriyetdailynews.com/opinion/mustafa-aydin/the-connection-between-radicalism-extremism-and-terrorism-93231>.

¹² Haroro J. Ingram, *The Charismatic Leadership Phenomenon in Radical and Militant Islamism* (Farnham: Ashgate, 2013).

mereka tidak ramai, berhadapan dengan situasi genting, dan dipalitkan dengan pelbagai konotasi negatif.

Secara asasnya, ekstremisme tercetus disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya, gerakan ekstremis muncul bertitik tolak daripada faktor sosial, iaitu bilamana wujudnya kezaliman atau penindasan pemerintah terhadap sekelompok masyarakat. Dalam proses tersebut, masyarakat yang ditindas itu mudah disuntik dengan idea radikal dan ekstrem daripada pemikir atau tokoh tertentu, lebih-lebih lagi tokoh yang kerap menggunakan retorik berbentuk menentang kezaliman dan penindasan.¹³ Pada dasarnya, ekstremisme agama tercetus hasil reaksi daripada pengeksploitasian Barat ke atas dunia Islam dari pelbagai sudut. Pengeksploitasian yang dimaksudkan merangkumi eksploitasi ekonomi, pentadbiran dan sosial yang melahirkan rasa benci di kalangan Muslim terhadap Barat, sehingga memungkinkan kemunculan gerakan ekstrem yang bertujuan untuk berhadapan secara langsung dengan pihak Barat.¹⁴ Fundamentalisme atau ekstremisme agama lahir kesan daripada kesilapan segelintir umat Islam dalam menafsir beberapa potongan ayat al-Quran secara literal dan keras. Kesannya, mereka tegar melakukan aksi ekstrem dengan menggunakan nama Islam dan menganggap perkara tersebut sebagai suatu yang suci.¹⁵ Secara ringkasnya, dapatlah difahami bahawa meskipun wujud ekstremisme yang menggunakan agama Islam bagi menjustifikasikan tindakan mereka, Islam secara hakikatnya tidak mempunyai sebarang kaitan dengan kegiatan ekstrem dan keganasan. Sebaliknya, ia merupakan natijah daripada beberapa faktor luaran seperti penindasan dan pengeksploitasian mahupun faktor dalaman seperti ketidakfahaman segelintir umat Islam itu sendiri.¹⁶


¹³ Rahimin Affandi et al., "Ekstremisme Islam di Alam Melayu: Satu Pengenalan."

¹⁴ Mohd Roslan, "Ekstremisme Rentas Agama dan Tamadun," 143-166.

¹⁵ Nur Rosidah, "Fundamentalisme Agama," *Wali Songo* 20, no. 1 (2012), 1-24.

¹⁶ Mansor Mohd Noor, "Memahami dan Mengurus Ekstremisme Agama di Malaysia," *REKAYASA-Journal of Ethics, Legal and Governance* 1 (2005), 51-61.

Rajah 1. Carta aliran ekstremisme agama



ISIS dan Ekstremisme Agama

ISIS yang berjuang bagi menegakkan “Daulah Islamiyyah” di Iraq dan Syria telah menjadi topik hangat dunia dalam membincangkan mengenai topik ekstremisme, radikalisme, dan terrorisme agama. Ia merupakan produk daripada konflik politik yang berpanjangan di Iraq dan Syria. Kemunculan kumpulan militan di Iraq boleh dijejaki berdasarkan perkembangan di negara tersebut sejak penghujung era Saddam Hussein dan diikuti dengan perkembangan pasca pencerobohan Amerika Syarikat yang meletakkan Iraq ke kancah negara gagal. Manakala di Syria pula, konflik politik hasil daripada kebangkitan rakyat dalam Arab Spring telah membuka ruang kepada kemunculan kumpulan-kumpulan bersenjata yang pada asalnya hanyalah bermatlamat bagi menggulingkan Bashar al-Assad. Namun, segelintir penggerak gerakan bersenjata seperti Jabhat al-Nusra telah mengambil sikap yang lebih keras, lalu berpecah dari induknya. Ia kemudiannya bergabung dengan pecahan daripada cabang al-Qaeda dari Iraq dan membentuk ISIS.¹⁷ Secara asasnya, induk asal bagi ISIS seperti pertubuhan al-Qaeda sendiri tidak mengiktiraf keberadaan gerakan tersebut yang dikatakan lebih keras dan ekstrem dari sudut tindakan dan pendekatan.¹⁸ Meskipun menggunakan nama yang berbeza, hakikatnya kumpulan-kumpulan bersenjata di Iraq dan Syria merupakan kesinambungan daripada kumpulan mujahidin yang wujud semasa perang Afghanistan-Russia. Setelah tamat perang tersebut, penggerak-penggerak yang datang dari serata dunia pulang ke negara masing-masing dan membentuk pula gerakan bersenjata yang tersendiri namun bersifat transnasional secara ideologinya.¹⁹

Dari sudut ideologi atau doktrin pegangan, Rahimin et al. menyebutkan bahawa gerakan ISIS berakar umbi daripada aliran Khawarij yang kemudiannya berkembang menjadi Salafi Jihadi.²⁰ Khawarij telah muncul pada era Saidina Ali lagi bilamana muncul sebahagian kecil umat Islam yang ketika itu tidak menyetujui baginda di dalam upacara tahkim. Dari sudut praktikaliti, mereka bersikap ekstrem dalam beribadat dan mengabaikan aspek kefahaman. Dalam konteks moden, elemen Khawarij dimanifestasikan kepada beberapa sikap keras dan ekstrem seperti berpandangan satu-satunya cara untuk menegakkan sebuah pemerintahan Islam adalah melalui peperangan.²¹ Manakala Salafi Jihadi merupakan doktrin baharu yang terpisah daripada aliran Salafi yang asal dan lebih menekankan kepada doktrin politik, meletakkan matlamat untuk menghapuskan masyarakat yang didakwa “tidak Islam” dan menegakkan “pemerintahan Islam yang sebenar” berdasarkan pemahaman mereka.²²

Menurut Siti Zubaidah, Azura dan Kamaruzaman, ideologi atau doktrin ekstrem ISIS boleh dipecahkan kepada lima elemen utama iaitu:

- 1) *Tauhid*: mereka berpegang kepada konsep *Tauhid Rububiyah* dan *Tauhid Uluhiyah* sebagaimana konsep tauhid pegangan aliran Salafi. Namun, IS menambah satu lagi

¹⁷ Andrea Dessì, “Understanding the ISIS Phenomenon: History, Ideology and Governance of the Islamic State,” *The International Spectator* 52, no. 2 (2017), 130-132.

¹⁸ “Analisis AWANI: Ancaman ‘IS’ calar imej Islam,” dicapai 6 Ogos 2020, https://www.youtube.com/watch?v=EyqWC_EhfBQ.

¹⁹ Rahimin Affandi et al., “Ekstremisme Islam di Alam Melayu: Satu Pengenalan.”

²⁰ *Ibid.*

²¹ Mohd Faizal Abdul Khir, “Mendepani Ekstremisme: Pengajaran daripada Sejarah Kemunculan Khawarij,” *Jurnal al-Tamaddun* 12, no. 2 (2017), 115-125.

²² Eli Alshech, “The Doctrinal Crisis within the Salafi-Jihadi Ranks and the Emergence of Neo-Takfirism,” *Islamic Law and Society* 21 (2014), 419-452.

cabang di dalam pegangan tauhid iaitu *Tauhid Hakimiyah* yang diperkenalkan lebih awal oleh Syed Qutb. Bersandarkan tauhid ini, mereka berpegang bahawa kedaulatan politik hanyalah milik Allah SWT dan mewajibkan jihad bagi menegakkan pemerintahan berpandukan syariat.

- 2) *Bai'ah*: mewajibkan upacara angkat sumpah atau janji setia bagi urusan merekrut ahli. Pengikut-pengikut IS diwajibkan untuk melakukan *bai'ah* dengan ketua (*amir*) yang dilantik dengan lafaz tertentu sebagai komitmen bagi mengikat mereka dengan perjuangan ISIS.
- 3) *Hijrah*: pengikut-pengikut ISIS juga diwajibkan untuk berhijrah sama ada dari *darul harb* (wilayah perang) menuju ke *darul Islam* (wilayah aman) menurut tafsiran mereka, ataupun berhijrah dengan menggabungkan diri ke dalam mana-mana kumpulan yang sedang berjuang menegakkan *Daulah Islamiyyah*.
- 4) *Jihad*: merupakan kemuncak bagi seruan perjuangan ISIS, yang mewajibkan pengikut-pengikutnya untuk melaksanakan jihad menerusi peperangan atau juga dikenali sebagai *jihad qital*. Jihad menjadi mekanisme IS bagi mencapai matlamat tertinggi, iaitu *Daulah Islamiyyah*.
- 5) *Daulah Islamiyyah*: *Daulah Islamiyyah*, atau *Islamic State*, merupakan matlamat akhir bagi perjuangan ISIS. *Daulah Islamiyyah* tersebut merangkumi penegakkan di peringkat global, dipimpin oleh "*amir*" mereka iaitu Abu Bakar al-Baghdadi yang berpusat di Iraq dan Syria. Dari sudut hirarki, gerakan-gerakan militan di pelbagai negara bertindak sebagai sel-sel kecil yang memberikan kesetiaan kepada *Daulah Islamiyyah* tersebut.²³

Kemunculan ISIS telah mencetuskan kebimbangan terhadap semua pihak kerana ia menimbulkan isu keselamatan yang tidak boleh dipandang ringan. Kerana itulah terdapat ramai ulama' yang menyatakan pendirian tegas terhadap gerakan ekstrem tersebut. Selain itu, pihak autoriti agama di negara ini juga pernah mengeluarkan kenyataan bagi menegaskan pendirian terhadap gerakan ekstremisme agama IS. Dalam persidangan Majlis Fatwa Kebangsaan, kenyataan seperti berikut telah dikeluarkan:

Setelah meneliti laporan penyelidikan yang telah diperakukan oleh Panel Pakar Akidah JAKIM dan kertas kerja yang disediakan oleh Sahibus Samahah Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan serta meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat mendapati bahawa:

i) Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) atau Islamic State of Iraq and Levant (ISIL) merupakan rentetan dari gerakan Salafi Jihadi di Iraq yang pada asalnya terdiri dari tiga organisasi jihad yang berbeza: iaitu Ansar al-Islam yang terdiri dari kelompok Salafi Jihadi warga Iraq yang membentuk kawasan 'pemerintahan Islam' mereka yang tersendiri dan mengamalkan kehidupan Islami ortodoks dan radikal, keduanya, kumpulan Mujahidin berasal dari Jordan yang mengisytiharkan diri mereka sebagai 'Jamaah al-Tawhid wa al-Jihad' di bawah pimpinan Abu Mus'ab al-Zarqawi yang berhijrah ke Iraq untuk melancarkan jihad memerangi pendudukan tentera Amerika Syarikat ke atas bumi Iraq, dan juga kumpulan mujahidin al-Qaeda yang berhijrah

²³ Siti Zubaidah Abu Bakar, Azura Muhammad Kifli dan Kamaruzaman Yusoff, "Persamaan Ideologi Radikal Islam di Malaysia dalam Kumpulan Jemaah Islamiyah, Kumpulan Militan Malaysia dan Islamic State (Daesh)," *Journal of Nusantara Studies* 2, no. 2 (2017), 155-168.

dari Afghanistan, akibat serangan Amerika Syarikat ke atas bumi Afghan selepas peristiwa 11 September.

- ii) *Kebanyakan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di seluruh dunia telah mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan kumpulan ISIS atau ISIL ini kerana ideologi keganasan dan sikap mereka yang mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka dan menghalalkan darah mereka. Mereka membunuh rakyat yang tidak berdosa dan menghalau golongan Kristian dan Yazidi dengan penuh kezaliman. Para ulama Ahli Sunnah di seluruh dunia melabelkan ISIS atau ISIL ini sebagai Khawarij di zaman moden dan jumhur ulama Ahli Sunnah bersepakat mengenai kesesatan dan juga penyelewengan golongan ini dan memperingatkan umat Islam agar tidak terpedaya dengan segala propaganda ISIS atau ISIL ini.*

Sehubungan itu, berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan dan selaras dengan nas-nas syarak, Muzakarah berpandangan bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS atau ISIL di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar menurut hukum syarak. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.

Oleh itu, Muzakarah menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka hukum syarak.

Muzakarah menasihati seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS atau ISIL ini.²⁴

Penglibatan Rakyat Malaysia dengan Gerakan ISIS

Meskipun fatwa secara jelas menyatakan pengharaman bagi umat Islam untuk menyertai perjuangan ISIS, masih terdapat rakyat Malaysia yang terus terpengaruh dengan pemikiran ekstrem tersebut. Secara umumnya, kelompok ini terdiri dari kalangan mereka yang bersimpati dengan perjuangan ISIS, bertindak menyalurkan sumbangan, menyertai gerakan militan di peringkat serantau seperti gerakan *Abu Sayyaf* di Selatan Filipina mahupun yang menyertai terus peperangan di Syria.²⁵

²⁴ Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Fatwa Isu Umat Islam Malaysia yang Berjuang di Syria Atas Nama Islamic State of Iraq and Syria, Fatwa di Bawah Seksyen 48.

²⁵ "Bekas pensyarah UM Dr Mahmud bakal ketua IS di Selatan Filipina?" laman sesawang *Free Malaysia Today*, dicapai 8 Ogos 2020, <http://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2017/05/27/bekas-pensyarah-um-dr-mahmud-bakal-ketua-is-di-selatan-filipina/>.

Pada 25 Mac 2016, dilaporkan seramai 15 orang suspek telah ditahan kerana disyaki terlibat dengan ISIS dan didapati sedang melakukan persiapan untuk aktiviti pengeboman. Sebelumnya pula, lebih dari 160 individu telah ditahan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana disyaki mempunyai kaitan dengan gerakan tersebut.²⁶ Pada tahun berikutnya pula, seramai 346 individu, termasuk 95 warganegara Malaysia, telah ditahan oleh pihak polis di atas kes yang sama. Menurut maklumat yang diperolehi, terdapat seramai 53 orang rakyat Malaysia yang telah ke Syria untuk serta dengan perjuangan ISIS, di mana 34 daripadanya telah dilaporkan maut.²⁷ Tidak lama kemudian, pihak polis sekali lagi telah menjejaki 20 individu yang didapati menyalurkan dana kepada ISIS menerusi transaksi bank.²⁸ Setakat Februari 2018, pihak keselamatan Malaysia mendapat maklumat bahawa terdapat lebih 50 orang rakyat Malaysia yang tidak dapat dipastikan status mereka sedang berada di Syria dan turut serta dalam perjuangan ISIS.²⁹

Dalam usahanya merekrut pengikut, ISIS menjadikan golongan muda dan belia sebagai sasaran utama mereka. Tumpuan khusus diberikan terhadap golongan muda dan belia adalah munasabah memandangkan golongan ini mempunyai daya tahan fizikal, mental, dan intelektual yang tinggi, lantas dapat dimanfaatkan bagi tujuan kegiatan terrorisme.³⁰ Secara dasarnya, golongan muda dan belia lebih mudah terdedah kepada kegiatan ekstremisme agama seperti yang dipelopori oleh ISIS berdasarkan beberapa sebab. Antaranya kerana kelompok ini kurang kritikal atau dangkal dalam menilai sesuatu perkara, mempunyai keinginan yang tinggi untuk dilihat sebagai dewasa, mempercayai janji penghapusan dosa silam dengan menyertai ISIS, di samping tekanan dari konflik keluarga.³¹ Tidak kurang juga wujud dari kalangan kaum wanita khususnya yang terlibat dengan ISIS setelah diumpam dengan janji-janji cinta.³² Bagi memudahkan proses merekrut golongan muda dan belia, institusi pengajian tinggi telah dijadikan salah satu lubuk atau lokasi tumpuan mereka. Sehingga tahun 2017, lebih 40 pelajar telah ditahan kerana disyaki terlibat dengan kegiatan ISIS. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar lelaki dan wanita dari institusi pengajian awam dan swasta, di mana terdapat sebahagian

²⁶ "15 ISIS suspects arrested in Malaysia had received orders to attack, say police," laman sesawang *The Guardian*, dicapai 8 Ogos 2020, <https://www.theguardian.com/world/2016/mar/25/15-isis-suspects-arrested-in-malaysia-had-received-orders-to-attack-say-police>.

²⁷ "PDRM tahan 346 suspek militan Daesh," laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 8 Ogos 2020, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pdrm-tahan-346-suspek-militan-daesh-1.541842>.

²⁸ "20 individu tempatan ditahan kerana kumpul dana Daesh," laman sesawang *Sinar Online*, dicapai 8 Ogos 2020, <http://www.sinarharian.com.my/semasa/20-individu-tempatan-ditahan-kerana-kumpul-dana-daesh-1.761013>.

²⁹ "53 anggota Daesh dari Malaysia masih di Syria," laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 8 Ogos 2020, <http://www.sinarharian.com.my/semasa/20-individu-tempatan-ditahan-kerana-kumpul-dana-daesh-1.761013>.

³⁰ Mohd Azizuddin Mohd Sani, "ISIS Recruitment of Malaysian Youth: Challenge and Response," laman sesawang Middle East Institute, dicapai 9 Ogos 2020, <http://www.mei.edu/content/map/isis-recruitment-malaysian-youth-challenge-and-response>.

³¹ Mohd Mizan Mohd Aslam, "Threat of Daesh in Universities: Malaysia's Experience," *Counter Terrorist Trends and Analyses* 9, no. 4 (2017), 13-17.

³² "Uni student marries IS fighter on Skype after Facebook fling," laman sesawang *The New Straits Times*, dicapai 9 Ogos 2020, <https://www.nst.com.my/news/2015/09/uni-student-marries-fighter-skype-after-facebook-fling>.

dari mereka yang mempunyai kaitan secara langsung dengan rangkaian kes pengeboman dan terrorisme di beberapa lokasi.³³

Secara umumnya, rakyat Malaysia yang menyertai gerakan ISIS boleh dipecahkan kepada dua kumpulan besar. Kumpulan pertama terdiri dari mereka yang pernah terlibat dengan pasukan mujahidin di Afghanistan dalam memerangi Rusia. Sebahagian daripada mereka ini kemudiannya meneruskan kesinambungan perjuangan sebaik sahaja ISIS ditubuhkan.³⁴ Manakala kumpulan kedua terdiri dari mereka yang tidak berpengalaman menyertai sebarang kegiatan bersenjata sebelumnya dan tertarik dengan doktrin dan kegiatan ISIS. Kumpulan kedua ini sebahagian besarnya terdiri dari golongan muda dan belia seperti yang dibincangkan di atas. Mereka terdedah kepada propaganda ISIS melalui dua cara; sama ada menerusi media sosial atau usrah. Media sosial seperti *Facebook, Twitter, Youtube, Whatsapp* dan sebagainya merupakan medium yang penting dalam proses ISIS menyebarkan propaganda, merekrut ahli, indoktrinasi, menjana kewangan pertubuhan, latihan, dan merangka perancangan.³⁵ Tambahan pula, media-media baharu turut memudahkan proses perekrutan ahli bilamana upacara *bai'ah* boleh dilakukan hanya menerusi aplikasi di atas talian (*online*). Di samping itu, medium seperti kumpulan usrah juga menjadi platform merekrut pengikut khususnya di institut pengajian tinggi. Kebiasaannya, usrah tersebut dijalankan secara rahsia bagi mengelak daripada dikesan dan memudahkan proses menyuntik doktrin perjuangan ISIS. Beberapa individu yang berpotensi untuk direkrut dalam kalangan ahli usrah akan ditapis sebelum dihantar ke Syria.³⁶

Langkah-Langkah Deradikalisasi ISIS dan Ekstremisme Agama

Gejala ekstremisme agama sememangnya suatu perkara yang membimbangkan. Selain memberikan gambaran buruk terhadap Islam, ia turut menjejaskan keselamatan dan keamanan negara. Mahu tidak mahu, gejala ekstremisme agama perlu ditangani secara strategik supaya ia dapat dibasmi secara total. Berikut dinyatakan beberapa cadangan berhubung langkah-langkah deradikalisasi yang perlu diambil bagi menangani gejala ekstremisme agama:

Peranan kerajaan

Kerajaan Malaysia selaku pihak berautoriti tertinggi dalam negara sememangnya perlu memainkan peranan secara berkesan. Seperti yang telah dibincangkan di atas, gerakan ekstremisme agama seperti ISIS dibayangi oleh doktrin Salafi Jihadi yang menafsirkan agama berdasarkan tafsiran yang keras. Bagi mereka yang cetek pemahaman agamanya, doktrin Salafi Jihadi sememangnya kelihatan menarik kerana ia menjanjikan pelbagai jaminan segera seperti "mati syahid" dan "ganjaran syurga". Justeru, Kerajaan Malaysia menerusi Jabatan Perdana Menteri khususnya perlulah mempergiatkan lagi pemahaman agama yang sebenarnya dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia. Antaranya, pemahaman agama berdasarkan kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah menerusi jalur Asha'irah dalam aqidah, mazhab Shafie dalam feqah, dan jalan tasawwuf al-Ghazali yang telah menjadi pegangan umat Islam di Alam Melayu sejak ratusan tahun ini sewajarnya diperkasakan. Berbeza dengan doktrin Salafi Jihadi yang bersifat keras dan literal, orientasi Asha'irah-Shafie-Ghazali ini lebih sederhana dan meraikan kedudukan wahyu-akal secara selayaknya, sekaligus dapat bertindak sebagai *counter-narrative* kepada

³³ Mohd Mizan, "Threat of Daesh in Universities," 13-17.

³⁴ Rahimin Affandi et al., "Ekstremisme Islam di Alam Melayu: Satu Pengenalan."

³⁵ Siti Rokiah Ab Rahman dan Fadzli Adam, "ISIS: Peranan Internet dan Media Sosial" (Prosiding, International Conference of Empowering Islamic Civilization, Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017).

³⁶ Mohd Mizan, "Threat of Daesh in Universities," 13-17.

doktrin Salafi Jihadi. Sejarah telah membuktikan bahawa pegangan berasaskan orientasi yang sederhana ini telah bersebuti dan mampu diasimilasikan dengan pandangan alam masyarakat Muslim di rantau ini sehingga melahirkan ummah yang gemilang.

Selain itu, kerajaan perlu turut memberikan fokus kepada media sosial memandangkan medium perekrutan ISIS banyak tertumpu kepada media-media baharu. Justeru, pihak kerajaan perlu memberi perhatian khusus dengan memperketatkan pantauan terhadap medium ini. Agensi kerajaan menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) perlulah peka dengan perkembangan penggunaan media sosial oleh rakyat Malaysia dan mengambil langkah proaktif seperti memadamkan sebarang unsur yang disyaki menjadi alat propaganda ekstremisme agama serta bekerjasama dengan pihak keselamatan bagi menjejaki pengguna-pengguna media sosial yang mempunyai kecenderungan terhadap ideologi tersebut.

Di samping itu, kerajaan juga perlulah memberikan perhatian khusus kepada golongan muda dan belia lantaran kelompok ini merupakan sasaran utama gerakan ekstremis agama. Antaranya, kerajaan perlu mewujudkan ruang yang lebih luas kepada golongan muda untuk menyampaikan pandangan dan idea mereka menerusi program-program dialog dan ramah mesra. Misalnya, kempen “Mahasiswa Islam Tolak Keganasan” yang pernah dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebelum ini merupakan satu usaha yang baik bagi tujuan ini. Pada masa yang sama, inisiatif sebegini membolehkan kerajaan untuk menyampaikan sikap dan pendirian berhubung gejala ekstremisme agama.

Seperti yang dibincangkan di atas, antara punca berlakunya ekstremisme adalah disebabkan wujudnya penindasan terhadap masyarakat. Kelompok kelas pertengahan khususnya yang merasakan diri mereka ditindas atau keperluan mereka tidak dipenuhi oleh pemerintah boleh menjerumuskan mereka ke kancah ekstremisme. Maka, kerajaan seharusnya memandang penting akan urusan memenuhi keperluan asas masyarakat sebagai langkah membasmi ekstremisme dari akar umbi.³⁷

Peranan institusi pendidikan

Institusi pendidikan, tidak kira sama ada sekolah, kolej atau universiti perlu bersama-sama menyedarkan para pelajar dan kakitangan mengenai bahaya gejala ekstremisme agama. Penganjuran siri penerangan berbentuk wacana atau diskusi ilmiah boleh dilakukan untuk memberikan kefahaman yang sebenar terhadap isu ini.

Institusi pendidikan juga perlulah memandang penting akan keperluan untuk mewujudkan silibus pengajian yang dapat memberikan kefahaman Islam yang sebenarnya kepada para pelajar. Amat malang sekali bagi pendidikan agama hanya dibekalkan secara berstruktur di peringkat sekolah rendah, di mana kedudukannya kian dihakiskan seiring dengan peningkatan tahap pengajian sehingga apabila seseorang itu memasuki universiti, dia tidak lagi didedahkan dengan pendidikan agama secara formal, melainkan atas inisiatif pelajar itu sendiri. Bagi membendung pengaruh ekstremisme agama, pemahaman agama secara betul perlulah diberikan kepada pelajar-pelajar di semua peringkat. Silibus yang berkesan dapat meluruskan pemahaman pelajar mengenai ajaran Islam dan konsep jihad yang sebenarnya, sekaligus dapat menangkis sebarang bentuk penyelewengan dalam pemahaman agama.

³⁷ Mohd Irman, “Pengembangan Kelas Menengah India Muslim.”

Selain itu, pentadbiran institusi pendidikan sewajarnya mengambil langkah pencegahan awal dengan memperketatkan pantauan terhadap kemasukan pelajar-pelajar baru, khususnya pelajar luar negara akan latar belakang serta aktiviti mereka di internet. Pihak pentadbiran juga perlu memantau aktiviti-aktiviti yang disertai oleh para pelajar bagi mengelakkan mereka menyertai aktiviti-aktiviti yang berkait dengan unsur ekstremisme. Aktiviti-aktiviti luar dan tidak mendapat kelulusan pihak pentadbiran perlulah diharamkan bagi mengelak daripada dieksploitasi oleh kumpulan ekstremisme agama.

Sebagai usaha mencegah gejala ekstremisme, pihak institusi pendidikan juga boleh menganjurkan aktiviti-aktiviti berbentuk rekreasi yang melibatkan para pelajar dan kakitangan. Selain mengeratkan ukhuwah, usaha ini dapat meminimakan potensi para pelajar untuk terlibat dengan kegiatan ekstremisme.

Peranan institusi agama

Institusi agama selaku badan yang berautoriti dalam hal ehwal Islam seharusnya turut memainkan peranan dalam usaha deradikalisasi ekstremisme agama. Meskipun Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa berhubung ekstremisme agama dan ISIS, namun institusi-institusi agama di pelbagai peringkat perlulah turut memainkan peranan secara proaktif dalam membendung gejala ekstremisme agama. Dalam hal ini, *engagement* dalam bentuk turun ke lapangan antara institusi agama dengan golongan muda khususnya perlulah dibuat. Aktiviti-aktiviti yang boleh menarik golongan ini juga sewajarnya diadakan dalam usaha *engagement* tersebut. Melalui kaedah ini, kesedaran terhadap bahaya ekstremisme agama dapat diselitkan semasa aktiviti-aktiviti yang dijalankan di samping mendekati golongan muda dengan institusi agama.

Di samping itu, jabatan-jabatan agama juga boleh menghasilkan penerangan atau tulisan berkala sama ada dalam bentuk risalah edaran mahupun sebaran di media sosial. Memandangkan media sosial menjadi medium utama penggerak-penggerak ekstremis agama dalam menyebarkan propaganda mereka, maka institusi agama juga perlu menyaingi propaganda mereka dengan sebaran-sebaran yang memuatkan kefahaman Islam yang betul secara kerap dan sistematik.

Peranan pihak keselamatan

Pihak keselamatan negara juga tidak kurang pentingnya dalam memainkan peranan bagi menangani gejala ekstremisme. Antaranya, pihak polis khususnya dari cawangan khas seharusnya menjadi rakan strategik dengan pihak kolej atau universiti bagi mengawal penularan gejala ekstremisme agama di institusi pendidikan. Selain bekerjasama dengan institusi pendidikan, pihak keselamatan juga perlu memperkasakan kerjasama dengan kerajaan dalam memantau aktiviti rakyat Malaysia di media-media sosial.

Bagi menstrategikkan lagi peranan pihak keselamatan dalam membendung gejala ekstremisme agama, siri jelajah kesedaran mengenai bahaya ekstremisme agama juga boleh diadakan. Jelajah tersebut boleh dilakukan di kawasan-kawasan tumpuan seperti di sekolah, universiti, masjid, balai raya, ekspo, dan sebagainya. Selain penyampaian dalam bentuk penerangan, edaran risalah dan pameran juga sewajarnya diadakan semasa siri jelajah tersebut. Bagi menjayakan siri jelajah ini, pihak keselamatan boleh mengadakan kerjasama dengan majlis-majlis belia negara, universiti, masjid, dan pihak berkuasa tempatan.

Kesimpulan

Ekstremisme di atas nama agama seperti yang dibawa oleh ISIS sememangnya merupakan suatu perkara yang membimbangkan semua pihak. Ideologi dan doktrinnya berakar umbi daripada fahaman Khawarij yang kemudiannya dikembangkan menjadi fahaman Salafi Jihadi. Lantaran doktrinnya yang keras, pengikut-pengikut ISIS cenderung untuk melakukan tindakan yang radikal dan ekstrem seperti mengkafirkan orang yang tidak bersama mereka, melakukan kegiatan pengeboman secara berleluasa, dan mengganggu ketenteraman awam. Selain memburukkan imej Islam, gerakan ekstremis agama seperti ISIS boleh mencetuskan suasana tidak aman di dalam negara.

Meskipun pengaruh ISIS telah merudum dan tidak lagi kuat seperti semasa ia mula-mula muncul, kewaspadaan tetap merupakan satu keperluan. Ini kerana di masa hadapan, tiada siapa yang dapat memberikan jaminan bahawa ancaman ekstremisme agama seperti yang pernah berlaku sebelum ini tidak akan kembali. Justeru, sebarang bentuk atau unsur ekstremisme agama perlu dibanteras sama sekali supaya kesucian Islam serta keselamatan masyarakat dan negara dapat terus dipelihara.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaya di atas penyediaan geran 2019 SATU Joint Research Scheme Program (ST018-2019) bagi membolehkan kajian ini dijalankan.

Rujukan

- "15 Isis suspects arrested in Malaysia had received orders to attack, say police," laman sesawang *The Guardian*, dicapai 8 Ogos 2020, <https://www.theguardian.com/world/2016/mar/25/15-isis-suspects-arrested-in-malaysia-had-received-orders-to-attack-say-police>.
- "20 individu tempatan ditahan kerana kumpul dana Daesh," laman sesawang *Sinar Online*, dicapai 8 Ogos 2020, <http://www.sinarharian.com.my/semasa/20-individu-tempatan-ditahan-kerana-kumpul-dana-daesh-1.761013>.
- "53 anggota Daesh dari Malaysia masih di Syria," laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 8 Ogos 2020, <http://www.sinarharian.com.my/semasa/20-individu-tempatan-ditahan-kerana-kumpul-dana-daesh-1.761013>.
- "Analisis AWANI: Ancaman 'IS' calar imej Islam," dicapai 6 Ogos 2020, https://www.youtube.com/watch?v=EyqWC_EhfBQ..
- "Bekas pensyarah UM Dr Mahmud bakal ketua IS di Selatan Filipina?" laman sesawang *Free Malaysia Today*, dicapai 8 Ogos 2020, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/05/27/bekas-pensyarah-um-dr-mahmud-bakal-ketua-is-di-selatan-filipina/>.
- "PDRM tahan 346 suspek militant Daesh," laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 8 Ogos 2020, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pdrm-tahan-346-suspek-militan-daesh-1.541842>.

- "Uni student marries IS fighter on Skype after Facebook fling," laman sesawang *The New Straits Times*, dicapai 9 Ogos 2020, <https://www.nst.com.my/news/2015/09/uni-student-marries-fighter-skype-after-facebook-fling>.
- Andrea Dessi, "Understanding the ISIS Phenomenon: History, Ideology and Governance of the Islamic State," *The International Spectator* 52, no. 2 (2017), 130-132.
- Bernard Lewis, "The Roots of Muslim Rage," *The Atlantic* 266, no. 3 (1990), 47-60.
- Cheryl Bernard, *Civil Democratic Islam: Partners, Resources, and Strategies* (California: RAND Corporation, 2003).
- David Zeidan, "The Islamic Fundamentalist View of Life as a Perennial Battle," *MERIA Journal* 5, no. 4 (2001), 26-53.
- Eli Alshech, "The Doctrinal Crisis within the Salafi-Jihadi Ranks and the Emergence of Neo-Takfirism," *Islamic Law and Society* 21 (2014), 419-452.
- Haroro J. Ingram, *The Charismatic Leadership Phenomenon in Radical and Militant Islamism* (Farnham: Ashgate, 2013).
- Mansor Mohd Noor, "Memahami dan Mengurus Ekstremisme Agama di Malaysia," *REKAYASA-Journal of Ethics, Legal and Governance* 1 (2005), 51-61.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani, "ISIS Recruitment of Malaysian Youth: Challenge and Response," laman sesawang Middle East Institute, dicapai 9 Ogos 2020, <http://www.mei.edu/content/map/isis-recruitment-malaysian-youth-challenge-and-response>.
- Mohd Faizal Abdul Khir, "Mendepani Ekstremisme: Pengajaran daripada Sejarah Kemunculan Khawarij," *Jurnal al-Tamaddun* 12, no. 2 (2017), 115-125.
- Mohd Irman Mohd Abd Nasir, "Pengembangan Kelas Menengah India Muslim dan Persepsi Mereka terhadap Isu-isu Ekstremisme" (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).
- Mohd Mizan Mohd Aslam, "Threat of Daesh in Universities: Malaysia's Experience," *Counter Terrorist Trends and Analyses* 9, no. 4 (2017), 13-17.
- Mohd Roslan Mohd Nor, "Ekstremisme Rentas Agama dan Tamadun," dalam Abd Karim Ali, Mohd Roslan Mohd Nor & Mohd Fuad Mohd Salleh (ed.), *Kefahaman Islam Semasa di Malaysia: Realiti & Cabaran* (Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia, 2015), 143-166.
- Mustafa Aydin, "The connection between radicalism, extremism and terrorism," laman sesawang *Hürriyet Daily News*, dicapai 6 Ogos 2020, <http://www.hurriyetaidailynews.com/opinion/mustafa-aydin/the-connection-between-radicalism-extremism-and-terrorism-93231>.
- Norhafezah Yusof, Mohd Haniff Imran Ghazali, Rosna Awang Hashim, Mohd Azizuddin Mohd Sani, Syarizan Dalib, Romlah Ramli dan Amrita Kaur, "Ekstremisme Agama dalam Gerakan Islamic State of Iraq and Syria (ISIS): Satu Analisis terhadap Akhbar The Star," *Jurnal Komunikasi-Malaysian Journal of Communication* 33, no. 4 (2017), 119-141.
- Nur Rosidah, "Fundamentalisme Agama," *Wali Songo* 20, no. 1 (2012), 1-24.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., "Ekstremisme Islam di Alam Melayu: Satu Pengenalan" (Prosiding, Ar-Raniry International Conference on Islamic Studies, Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry, 2016).
- Samuel P. Huntington, *The Clash of Civilization and the Remaking of World Order* (New York: Simon & Schuster, 1996).

**Mohd Roslan, Misnal Munir, Moses Glorino & Muhammad Khalis / *Online Journal of Research in Islamic Studies*
x(x) (xxxx): xx-xx**

Siti Rokiah Ab Rahman dan Fadzli Adam, "ISIS: Peranan Internet dan Media Sosial" (Prosiding, International Conference of Empowering Islamic Civilization, Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017).

Siti Zubaidah Abu Bakar, Azura Muhammad Kifli dan Kamaruzaman Yusoff, "Persamaan Ideologi Radikal Islam di Malaysia dalam Kumpulan Jemaah Islamiyah, Kumpulan Militan Malaysia dan Islamic State (Daesh)," *Journal of Nusantara Studies* 2, no. 2 (2017), 155-168.

Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Fatwa Isu Umat Islam Malaysia yang Berjuang di Syria Atas Nama Islamic State of Iraq and Syria, Fatwa di Bawah Seksyen 48.

Yusuf al-Qaradawi, *Islamic Awakening between Rejection & Extremism* (Herndon: American Trust Publication & The International Institute of Islamic Thought, 1990).